

22 JUN 2002

Mahathir-Kejutan/I

MAHATHIR "KEJUTKAN" RAKYAT MALAYSIA

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Berita mengenai keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meletakkan jawatan sebagai Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) pada mulanya memberi kejutan kepada masyarakat perniagaan tempatan petang ini tetapi penarikan balik keputusan itu kemudian benar-benar melegakan mereka.

"Apa yang akan berlaku kepada pasaran saham (pada Isnin ini)?" tanya seorang ahli perniagaan yang tidak percaya apabila beliau mendengar pengumuman Dr Mahathir untuk melepaskan jawatannya dalam Umno dan BN pada perhimpunan agung Umno di sini hari ini. Konsep Persyarikatan Malaysia Dr Mahathir yang menyokong perniagaan merupakan manfaat bagi para usahawan negara ini berdasarkan kepada iklim perniagaan yang memberansangkan.

Bagaimanapun keadaan kembali tenang sejam kemudian apabila Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan bahawa Dr Mahathir telah bersetuju menarik balik keputusan beliau.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, semasa ditemui selepas perhimpunan agung Umno dan mesyuarat tergepar Majlis Tertinggi parti malam ini, berkata tiada apa yang harus dibimbangkan kerana "semuanya kembali normal".

Seorang penganalisis, semasa diminta menilai kesannya kepada masyarakat perniagaan jika Dr Mahathir tidak menarik balik keputusannya, berkata Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mungkin terjejas.

"Nasib baik beliau memilih untuk terus kekal (memimpin). Sektor swasta di Malaysia perlu banyak berterima kasih kepada beliau, terutamanya dalam menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara ini.

"Beliau telah mengetuai banyak misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara untuk mempelawa pelabur asing datang ke Malaysia serta membuka laluan bagi usahawan tempatan menjalankan perniagaan di luar negara."

Seorang lagi berkata Dr Mahathir telah mengubah profil eksport Malaysia yang sebelum ini hanya bertumpu kepada pertanian kepada pengeluaran. Sebagai contoh, daripada jumlah eksport sebanyak RM334.4 bilion tahun lepas, 85 peratus adalah daripada produk pengeluaran.

Pemahaman baik Dr Mahathir dalam isu-isu perniagaan dan ekonomi sentiasa menjadi sumber galakan bagi para ahli perniagaan.

Sejak menjadi Perdana Menteri pada 1981, Dr Mahathir telah melakukan pelbagai perubahan dari segi insentif pelaburan dan struktur cukai, kata seorang perunding cukai.

Sebagai contoh, Dr Mahathir secara berperingkat-peringkat menurunkan cukai korporat dan cukai pendapatan yang pernah mencapai 35 peratus sebelum ini dan kini berada pada para 28 peratus.

Satu lagi contoh keyakinan Dr Mahathir dalam hal ehwal ekonomi ialah langkah tegasnya dalam melaksanakan kawalan modal terpilih selepas krisis matawang serantau 1997-1998.

Langkah menambat nilai ringgit pada 3.80 dolar Amerika sejak empat tahun lepas telah membantu perniagaan yang dijalankan di Malaysia dilindungi daripada apungan matawang asing akibat putar belit penyayang matawang.

Seorang usahawan teknologi yang mengendaliklan syarikat e-niaga multinasional di Koridor Raya Multimedia (MSC) berkata bimbingan Dr Mahathir masih lagi diperlukan dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Masih banyak lagi yang boleh dilakukan di MSC dan kami mahu beliau

terus ada untuk menggerakkan projek itu."

MSC, yang diilhamkan oleh Dr Mahathir dalam usaha mewujudkan produk dan perkhidmatan teknologi maklumat terkini, mempunyai 684 syarikat yang telah diberikan status MSC dan hampir 600 daripadanya sudahpun beroperasi.

Bagaimanapun, seorang lagi penganalisis berkata Dr Mahathir menjadi lebih kuat "selepas berlakunya peristiwa antara 6 petang dan 7 malam hari ini."

Beliau berkata Dr Mahathir, yang menyatakan dirinya gagal membawa orang Melayu untuk maju ke tahap lebih tinggi, memperolehi pengaruh yang lebih besar sekarang berikutan desakan anggota-anggota Umno supaya beliau kekal menerajui parti itu.

Dengan "mandat baru" itu, Dr Mahathir dapat melaksanakan pelbagai usaha dasar yang tegas seperti meritokrasi, bahasa Inggeris dan etika kerja yang kuat.

Penganalisis itu berkata perdana menteri juga telah "mengejutkan" rakyat Malaysia tepat pada masanya dengan mereka kini tidak lagi boleh berpuas hati dalam menghadapi persaingan yang semakin besar.

"Gelombang yang mengejutkan ini nyata adalah satu "kejutan" yang tepat pada masanya bagi seluruh negara," kata beliau.

-- BERNAMA

SHY FR NAK